

25/03/2001

Kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kehausan

Razali Yahya

SUDAH seminggu Grand Prix Malaysia Petronas di Litar F1 Sepang berlalu. Dan sebagaimana diramal, pelumba pilihan, Michael Schumacher membuktikan dia masih jaguh dunia yang sukar ditandingi buat beberapa waktu ini. Kejayaannya muncul juara jelas melebarkan rekod kemenangan ke-46 peribadi dalam kerjaya Formula Satu, sekali gus menambah koleksi kemenangan ke-137 untuk Ferrari. Lebih daripada itu, pelumba sensasi dari Jerman itu menjadi pelumba kedua dalam sejarah Formula Satu Dunia berjaya membolot enam kemenangan Grand Prix berturut-turut selepas cemerlang di Litar F1 Sepang, Ahad lalu.

Begitulah senario perlumbaan Grand Prix Formula Satu dan tidak syak lagi Schumacher memang sukar digugat. Nampaknya, rakyat Malaysia terpaksa terus-menerus sekadar menjadi penyokong paling setia kepada jaguh luar negara kerana Malaysia belum berupaya melahirkan jaguh terbilang dalam acara ini. Sesungguhnya, kita semua rakyat Malaysia masih terus mengharap dan menunggu siapa jaguh tempatan dapat dilahirkan setanding dengan jaguh yang ada. Melihat sendiri jaguh yang bertanding pada perlumbaan itu, rasanya mereka adalah manusia biasa seperti kita semua. Tiada banyak perbezaannya. Kalau mereka itu dari kalangan makhluk asing yang cukup istimewa, lainlah ceritanya. Jadi, sampai bila kita semua harus menunggu dan terus menunggu...

Sejauh ini, kita semua belum nampak malah kesungguhan pihak terbabit ke arah membentuk anak watan sebagai jaguh Formula Satu masih boleh dipertikaikan. Sekadar memiliki Litar F1 Sepang terbaik dunia bukanlah boleh dibanggakan sangat sekiranya ia tidak diiringi dengan melahirkan pelumba tempatan bertaraf dunia. Agaknya, Sepang International Circuit (SIC) lebih berbesar hati untuk menjadi 'jaguh penganjur terbaik'. Barangkali kerana anugerah inilah yang membuat pegawai-pegawai SIC hampir tidak dapat tidur lena baru-baru ini. Apa tidaknya, seminggu menjelang Grand Prix Malaysia Petronas, sambutan penonton cukup menyedihkan dan kedudukan ini membuatkan pegawai-pegawai SIC tidak senang duduk sehinggakan seorang pegawai kanannya menyifatkan rakyat Malaysia tidak mempunyai semangat patriotik terhadap perlumbaan itu.

Sebenarnya, dalam hal ini siapa yang tidak memiliki semangat patriotik? Rakyat Malaysia ataupun pegawai-pegawai SIC... Apa yang jelas, pegawai SIC itu sendiri kurang arif maksud patriotik. Disebabkan suasana ketika itu agak 'panas' kerana sambutan dingin penonton terhadap Grand Prix Malaysia Petronas, SIC mengambil jalan pintas dengan menyalahkan penonton tempatan tidak memberikan sokongan padu terhadap kejohanan bertaraf dunia itu. SIC harus menyalahkan diri sendiri kerana promosi untuk menarik penonton lebih ditumpukan kepada luar negara. Untuk musim ini, SIC harus menerima hakikat promosi luar negara kurang mendatangkan hasil. Untuk menutup rasa malu dan bagi mengelak perlumbaan minggu lalu kurang sambutan, pegawai-pegawai SIC cepat-cepat menyalahkan rakyat Malaysia kurang memberi sokongan terhadap kejohanan bertaraf dunia itu. Sikap SIC itu jelas mahu melonggokkan kesalahan itu kepada rakyat negara ini sedangkan tindak tanduk mereka sebelum ini, jelas lebih menumpukan promosi kepada luar negara.

Bila sudah tersepit, rakyat negara sendiri pula mahu disalahkan. Pegawai-pegawai SIC harus cermin diri dan jangan cepat menyalahkan orang lain bagi menutup kelemahan diri. SIC sewajarnya berterima kasih kepada rakyat negara ini yang telah menyelamatkan maruah mereka apabila 60 peratus daripada 75,000 penonton yang hadir di Litar F1 Sepang adalah

peminat tempatan yang sanggup berbelanja besar pada saat-saat akhir untuk memastikan Malaysia tidak menerima malu sekiranya kurang mendapat sambutan. Membuat rayuan termasuk Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein turut sama berbuat demikian, membuktikan kehadiran penonton tempatan harus diberi perhatian pada musim depan dan SIC sudah seharusnya jangan bersikap 'kera di hutan disusukan, anak sendiri mati kehausan'. Kalau tidak kerana sokongan saat-saat akhir penonton tempatan, mungkin SIC berputih mata dalam perlumbaan akan datang kerana Malaysia mungkin tidak lagi berpeluang untuk menjadi penganjur salah satu sirkit Grand Prix Dunia. Syabas rakyat Malaysia.

Pun begitu, selepas tiga kali menganjurkan perlumbaan Litar F1 Sepang, penganjur masih belum belajar erti sistem pengangkutan yang sempurna bagi kemudahan penonton. Ahad lalu, ribuan penonton yang hadir menyaksikan perlumbaan merungut apabila mendapati kesukaran untuk keluar dari kawasan yang sesak itu. Bas pengangkutan awam jelas berkurangan ketika masih ramai menunggu bas untuk pulang terutama ke Nilai atau ke Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) sebaik tamat perlumbaan. Jumlah itu bukan hanya membabitkan penonton tempatan tetapi sebilangan besar penonton asing yang hadir menyaksikan perlumbaan itu terutama penyokong setia pasukan Ferrari dan McLaren.

Jika adapun bas yang memberi perkhidmatan, ia penuh sesak macam 'tin sardin' dengan orang ramai melebihi had. Gelagat itu seperti memberi gambaran pihak penganjur SIC seolah-olah hanya mementingkan hari perlumbaan itu sahaja dan tidak memberikan sebarang perhatian selepas perlumbaan tamat. SIC harus ingat bukan semua yang datang memandu kenderaan sendiri dan mereka mengharap sistem pengangkutan yang lancar. Kita sendiri yang datang menaiki bas pengangkutan awam dalam usaha meninjau sendiri keberkesanan sistem pengangkutan awam sebagaimana dilaungkan SIC, jelas ia sekadar 'indah khabar dari rupa'. Bayangkan azab terpaksa menunggu berjam-jam mendapatkan bas untuk pulang. Sudahlah terpaksa menunggu lama, kami terpaksa berasak-asak dengan penumpang lain kerana jumlah bas yang disediakan tidak mencukupi.

Lebih teruk lagi, bas yang dinaiki langsung tidak mempunyai sistem penghawa dingin. Beribu-ribu peminat terkandas dan terpaksa menunggu berjam-jam untuk kembali ke Nilai. Disebabkan terlalu lama menunggu, orang ramai mula hilang sabar dan hampir mencetuskan pergaduhan dengan seorang pegawai SIC dan pengendali bas di tempat meletak kenderaan pengangkutan awam berdekatan pintu utama Litar Sepang. Ia memang memalukan bukan saja peminat tempatan akibat sikap lepas tangan pihak penganjur, malah penonton luar negara yang memilih menaiki pengangkutan awam ke destinasi sama turut melemparkan kata-kata kesat yang kurang manis didengar kepada pihak penganjur yang disifatkan paling buruk dan teruk. Kalau kita mahu tulis apa yang dikatakan oleh penonton luar negara itu terhadap penganjur, ia sungguh mengaibkan. Sebagai rakyat Malaysia, kita memang malu dengan kata-kata kesat yang dihamburkan mereka.

Seperkara lagi, harga makanan yang dijual pada perlumbaan selama tiga hari itu juga terlalu mahal. Untuk rakyat asing, ianya mungkin murah tetapi tidak bagi rakyat tempatan. Harga barang makanan yang dijual boleh dianggap sebagai 'cekik darah'. Dalam tinjauan dibuat sebelum perlumbaan bermula, kita dapati harganya cukup tidak munasabah. Sebotol air mineral 500ml dijual dengan harga RM4 atau RM5, tiga biji karipap (kecil) berharga RM5, satu dozen sate (12 cucuk) RM24, Burger+kerepek kentang+air mineral+ais krim berharga RM18, Nasi goreng Cina+kerepek kentang+air mineral+ais krim berharga RM18, air tin RM4.50, ais krim RM4, bufet RM60 dan banyak lagi barangan yang harganya langsung tidak masuk di akal.

Soalnya sekarang dan sudah terbukti jumlah penonton tempatan melebihi penonton luar, SIC sewajarnya membuat kajian semula terhadap harga barang

makanan untuk musim depan. Kita percaya, jika harga barang makanan terus-menerus tidak berubah, ditakuti penonton tempatan akan bosan dan serik untuk datang memberi sokongan padu sebagaimana yang diharapkan oleh SIC. Jika SIC mahu melihat Grand Prix Malaysia Petronas musim akan datang dipenuhi peminat tempatan, mahu tidak mahu SIC perlu berbuat sesuatu agar harga barang makanan yang dijual berpatutan dan tidak membebankan peminat tempatan. Kalau harga tidak berubah dan lebih mementingkan penonton luar negara, kita tidak terkejut bahawa SIC mungkin sekali lagi terpaksa membuat 'rayuan' seperti musim ini untuk mengajak rakyat tempatan hadir bagi menyelamatkan kejohanan bertaraf dunia itu.

Ini macam Lima di Langkawi beberapa tahun dahulu. Harga barang makanan memang 'cekik darah' dan ini memang tidak menggalakkan rakyat tempatan untuk hadir bagi memeriahkan temasya itu. Setelah pelbagai pihak merungut dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegur pihak terbabit, barulah mereka menurunkan harga menjadi munasabah dan berpatutan. Mungkin Dr Mahathir sekali lagi akan campur tangan musim depan mengenai harga barang makanan sekiranya penonton mengambil sikap 'memulau' Grand Prix Malaysia Petronas 2002 nanti.

Kini, sudah terbukti bahawa peratus peminat tempatan yang pernah dianggap oleh Pengerusi SIC, Tan Sri Basir Ismail sebagai tidak patriotik telah menyelamatkan maruah SIC dan negara di mata dunia. Mungkin SIC mementingkan anugerah setiap tahun tetapi tidak pernah memikirkan atau mengambil kira kepentingan majoriti peminat tempatan dari kelas pertengahan dan rendah di negara sendiri yang sanggup berhabisan wang ringgit serta berpanas dan berhujan untuk ke Litar F1 Sepang. Jika sikap dan pendirian SIC tidak mahu berubah dengan apa yang berlaku musim ini, jangan pula peminat dianggap tidak patriotik lagi sekiranya mereka memilih untuk tidak menghiraukan Grand Prix Malaysia Petronas di Sepang pada 15 hingga 17 Mac 2002 nanti. Jika ini berlaku, SIC sendiri yang akan menanggung malu bukan kepalang.

(END)